



## KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera  
22 Disember 2017

### **ASNB MENGISYTIHARKAN PENGAGIHAN PENDAPATAN LEBIH TINGGI BAGI AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB) *BONUS KHAS SEMPENA ULANG TAHUN KE-40 PNB***

- Anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) mengisytiharkan pengagihan pendapatan 7.00 sen seunit, bonus 0.25 sen seunit dan Bonus Khas Ulang Tahun PNB Ke-40 sebanyak 1.00 sen seunit untuk baki sehingga 10,000 unit bagi tabung utamanya, Amanah Saham Bumiputera (ASB) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.
- Jumlah pengagihan sebanyak RM10.7 bilion akan dimanfaatkan oleh 9.1 juta pemegang unit yang memiliki lebih daripada 145.6 bilion unit dalam ASB. Sebahagian besar pemegang unit, berjumlah kira-kira 7.5 juta dengan baki sehingga 10,000 unit akan mendapat pulangan efektif sebanyak 8.25 sen.
- Bagi tabung unit amanah harga berubah pertama, iaitu Amanah Saham Nasional (ASN), ASNB telah mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 3.65 sen seunit, iaitu hasil dividen sebanyak 5.0% yang menyumbang kepada Jumlah Pulangan Tahunan sebanyak 15.0% setakat 21 Disember 2017. Jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM69.4 juta akan dimanfaatkan oleh 1.2 juta pemegang unit dengan 1.9 bilion unit dalam dana itu. Setakat 30 November 2017, ASN mencatat pendapatan bersih sebanyak RM72.65 juta. Prestasi yang lebih kukuh ini adalah sejajar dengan fokus PNB untuk memberi pulangan seimbang melalui pelaburan dalam ekuiti dan pendapatan tetap. Ia juga sejajar dengan strategi PNB menjana Pulangan Keseluruhan kepada pemegang unit bagi dana harga berubah.
- Sementara itu, jumlah Aset Di Bawah Pengurusan PNB (AUM) meningkat kepada RM276.5 bilion menjelang November 2017, iaitu peningkatan sebanyak 4.6% tahun ke tahun manakala pendapatan bersih proforma PNB dan dana unit amanah sahamnya meningkat kukuh sebanyak 7.1% kepada RM15.4 bilion, sejajar dengan peningkatan prestasi bursa tempatan dan ekonomi secara keseluruhan.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), mengumumkan pulangan yang lebih tinggi bagi tabung utamanya, Amanah Saham Bumiputera (ASB) serta tabung unit amanah harga berubah pertama, iaitu Amanah Saham Nasional (ASN), ekoran prestasi kewangan yang kukuh pada tahun 2017 dan kejayaan semua inisiatif transformasi PNB yang disasarkan sepanjang tahun di bawah pelan strategik STRIVE-15.

## **PENGAGIHAN PENDAPATAN DANA UNIT AMANAH SAHAM ASNB**

### **Amanah Saham Bumiputera (ASB)**

Pada sidang media hari ini, PNB telah mengumumkan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak 8.25 sen seunit bagi tabung utama ASNB iaitu Amanah Saham Bumiputera (ASB) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. Jumlah ini terdiri daripada dividen 7.00 sen seunit, bonus sebanyak 0.25 sen seunit dan Bonus Khas 1.00 sen seunit untuk baki sehingga 10,000 unit sempena Ulang Tahun PNB yang ke-40 pada bulan Mac 2018.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, "Tahun ini banyak memberi impak positif kepada kami di PNB dan saya gembira kami berupaya mengumumkan pengagihan pendapatan yang lebih tinggi untuk pemegang unit ASB hari ini termasuk bonus istimewa untuk menandakan Ulang Tahun ke-40 kami. Jumlah pengagihan sebanyak RM10.7 bilion akan dimanfaatkan oleh 9.1 juta pemegang unit yang memiliki lebih daripada 145.6 bilion unit dalam ASB. Sebahagian besar daripada pemegang unit, berjumlah kira-kira 7.5 juta dengan baki sehingga 10,000 unit akan mendapat pulangan efektif sebanyak 8.25 sen, 0.8 juta pemegang unit yang memiliki antara 10,001 dan 40,000 unit akan menerima sekurang-kurangnya 7.50 sen manakala baki 0.7 juta pemegang unit akan menerima sekurang-kurangnya 7.26 sen."

Pengagihan pendapatan ini mewakili premium 4.85 mata peratusan berbanding penanda aras ASB, iaitu purata KLIBOR 3-bulan sebanyak 3.40% memandangkan ASB mencatatkan pendapatan bersih RM8.91 bilion pada 30 November 2017. Ini ekoran pertumbuhan ekonomi Malaysia yang kukuh dan berada pada landasan yang tepat untuk mencapai pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi tahun penuh sebanyak 5.8% serta kejayaan pelaksanaan pelan strategik STRIVE-15 PNB setakat ini.

Lanjutan dari itu, pengiraan dividen dan bonus kini adalah berdasarkan purata baki pegangan minimum bulanan bagi 12 bulan dalam tahun kewangan dana tersebut. Sebelum ini, pengiraan adalah berdasarkan purata baki pegangan minimum bulanan bagi 10 tahun yang lalu. Sementara itu, pengiraan pengagihan Bonus Ulang Tahun Khas juga tertakluk kepada purata baki pegangan minimum bulanan pada 2017, hanya untuk 10,000 unit pertama bagi setiap akaun.

Unit-unit yang dilaburkan semula dari dividen dan bonus akan dikreditkan ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Januari 2018, manakala Bonus Ulang Tahun Khas akan dikreditkan pada 1 Mac 2018. Pembayaran dividen dibuat daripada pendapatan bersih ASB manakala bonus dan Bonus Ulang Tahun Khas dibayar daripada dana proprietari PNB mengikut budi Bicara syarikat.

### **Amanah Saham Nasional (ASN)**

PNB juga mengumumkan pengagihan pendapatan 3.65 sen seunit, untuk tabung unit amanah harga berubah pertama, iaitu Amanah Saham Nasional (ASN) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, iaitu hasil dividen sebanyak 5.0% yang menyumbang kepada Jumlah Pulangan Tahunan sebanyak 15.0% setakat 21 Disember 2017. Prestasi yang lebih kukuh ini adalah sejajar dengan fokus PNB untuk memberi pulangan seimbang melalui pelaburan dalam ekuiti dan pendapatan tetap. Ia juga sejajar dengan strategi PNB menjana Pulangan Keseluruhan kepada pemegang unit bagi dana harga berubah.

Setakat 30 November 2017, ASN merekodkan pendapatan bersih sebanyak RM72.65 juta. Jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM69.4 juta akan dimanfaatkan oleh 1.2 juta pemegang unit dengan pegangan 1.9 bilion unit dalam dana tersebut.

Sementara itu, pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASN adalah berdasarkan unit yang dipegang pada 31 Disember 2017. Pengagihan pendapatan akan dilaburkan semula ke dalam unit tambahan dan secara automatik akan dikreditkan ke dalam akaun pemegang unit pada 2 Januari 2018, berdasarkan Nilai Aset Bersih seunit pada 31 Disember 2017.

**Semua urusan niaga bagi ASB dan ASN di semua cawangan dan ejen ASNB telah ditangguhkan pada 20 Disember 2017 sehingga 1 Januari 2018** untuk memudahkan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit akan dapat menyemak dan mengemaskini akaun mereka melalui portal baru ASNB [myasnbn.com.my](http://myasnbn.com.my) atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara apabila urusan niaga diteruskan semula pada 2 Januari 2018.

Penyata pengagihan pendapatan, bersama-sama dengan laporan tahunan dana akan dihantar kepada pemegang unit dalam masa dua bulan selepas pengagihan pendapatan dana.

### **PRESTASI PNB PADA 2017**

Bagi PNB, 2017 merupakan tahun yang padat di mana Syarikat telah berjaya mencapai beberapa kejayaan yang bermakna. Yang paling penting, PNB telah memperbaiki prestasi kewangannya dengan meningkatkan Pendapatan Bersih dan juga berjaya melaksanakan rancangan transformasi Syarikat Strategiknya.

Pendapatan bersih Syarikat meningkat sebanyak 7.1% kepada RM15.4 bilion manakala Jumlah Pengurusan Aset (AUM) pada November 2017 meningkat 4.6% tahun ke tahun kepada RM276.5 bilion berbanding RM264.3 bilion yang dicatatkan pada November 2016. Dana amanah saham (UTF) merangkumi RM232.6 bilion daripada jumlah ini, manakala baki RM43.9 bilion adalah dana propietari sendiri PNB.

Transformasi Syarikat Strategik PNB yang berjaya pada tahun ini telah menyumbang kepada peningkatan permodalan pasaran sebanyak RM27.1 bilion setakat ini bagi Syarikat-syarikat Strategik, iaitu purata imbalan jumlah pulangan pemegang saham sebanyak 18.1%.

Satu lagi pencapaian utama PNB pada tahun 2017 adalah penetapan fatwa "Harus", atau "dibenarkan" untuk semua pelaburan ASB, dari dua negeri yang belum mengeluarkan fatwa tersebut iaitu Selangor dan Pulau Pinang. Dengan perkembangan terbaru ini, PNB kini telah menerima fatwa "Harus" dari semua negeri. Selain itu, selaras dengan langkah PNB ke arah pengalaman digital yang menyeluruh bagi para pelanggan, PNB telah berjaya melaksanakan penukaran kepada sistem IT bagi ASNB untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada semua pemegang unit.

Bersama dengan Kerajaan, PNB juga mengumumkan insentif khas RM200 bagi semua bayi warganegara Malaysia yang lahir antara 1 Januari 2018 dan 31 Disember 2022 di bawah program Amanah Dana Anak Malaysia 2050 (ADAM50). Ini adalah selaras dengan matlamat PNB untuk menggalakkan amalan menabung dalam kalangan rakyat Malaysia dari usia muda dan dijangka akan memanfaatkan kira-kira 2.8 juta bayi sepanjang lima tahun.

– TAMAT –

### **Mengenai PNB**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia yang juga memiliki syarikat pengurusan unit amanah Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). PNB telah berkembang dari semasa ke semasa, dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini mencapai RM276.5 bilion, dari sekitar RM3.5 bilion pada tahun 1981. Dengan Pelan Strategik STRIVE-15 2017-2022 di bawah kepimpinan baru, PNB giat mengorak langkah ke hadapan untuk mengekalkan prestasinya bagi lima tahun hadapan dan tahun-tahun berikutnya, dan seterusnya mencapai wawasannya sebagai sebuah **Untuk Menjadi Firma Pelaburan Distinktif Bertaraf Dunia**. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

### **Mengenai ASNB**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), adalah syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB). ASNB ditubuhkan pada 22 Mei 1979, untuk mengurus Dana yang dilancarkan oleh PNB. ASNB kini mempunyai sejumlah 12 Dana, termasuk 6 tabung unit amanah harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020), Amanah Saham Malaysia (ASM), Amanah Saham Didik (ASD), Amanah Saham 1Malaysia (AS 1Malaysia), dan Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan 6 tabung unit amanah harga berubah iaitu Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Nasional 2 (ASN 2), Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN 3) dan Amanah Saham Gemilang (ASG), dana payung menaungi ASG- Pendidikan, ASG-Persaraan & ASG-Kesihatan. ASNB mempunyai 30 buah cawangan di seluruh negara dan lebih 2,000 ejen. Untuk maklumat lanjut, layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my).

**Disiarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**